



INFO SIHAT @UCS SIRI 4/26:

# BAHAYA EVALI

**E-CIGARETTE OR VAPING USE-ASSOCIATED LUNG INJURY**

**EVALI** ialah singkatan bagi **E-cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury** (Kecederaan Paru-paru yang Dikaitkan dengan Penggunaan Rokok Elektronik atau Vape), iaitu kecederaan paru-paru akibat penggunaan rokok elektronik atau vape.

## PUNCA PENYAKIT EVALI



**Penggunaan Vape atau E-cigarette**  
Punca utama EVALI ialah penggunaan yang kerap dan berpanjangan meningkatkan risiko kecederaan paru-paru.



**Bahan Kimia Berbahaya dalam Vape**  
Sesetengah bahan boleh menyebabkan keradangan dan kerosakan paru-paru.



**Cecair Vape Tidak Diketahui Sumbernya**  
Produk pasaran gelap atau tidak berdaftar berisiko tinggi mengandungi bahan toksik.



**Campuran Bahan Terlarang atau Tidak Selamat**  
Sesetengah pengguna mencampurkan bahan lain ke dalam vape yang boleh membahayakan kesihatan.

\*sumber daripada Kementerian Kesihatan Malaysia

## GEJALA PENYAKIT EVALI



Nafas pendek



Sakit abdomen



Berat badan menurun



Mual & Muntah



Batuk



Cirit - birit



Degupan jantung laju



Demam

## KOMPILASI PENYAKIT EVALI YANG SERIUS



Sindrom sukar bernafas  
akut (Acute Respiratory  
Distress Syndrome)



Kegagalan  
Penafasan



Memerlukan bantuan  
oksigen secara  
berterusan



Kematian

\*sumber daripada Kementerian Kesihatan Malaysia

## RAWATAN



### Terapi Oksigen

Hospital akan membekalkan oksigen tambahan melalui tiub hidung atau topeng muka. Bagi kes yang kritikal, alat bantuan pernafasan (ventilator) mungkin diperlukan.



### Ujian Imbasan Dada (X-ray / CT Scan)

Doktor akan memantau keadaan paru-paru secara berkala untuk melihat sama ada topok-topok putih (keradangan) semakin berkurang.



### Ubat Kortikosteroid (Steroid)

Steroid berfungsi untuk mengurangkan keradangan (inflammation) yang teruk pada tisu paru-paru akibat bahan kimia vape.



### Berhenti Vape & Merokok Serta - Merta

Ini adalah langkah paling kritikal. Paru-paru yang baru pulih daripada EVALI sangat rapuh. Meneruskan aktiviti vaping boleh menyebabkan kerosakan kekal atau serangan EVALI yang lebih parah.



### Antibiotik atau Antiviral

Hospital akan membekalkan oksigen tambahan melalui tiub hidung atau topeng muka. Bagi kes yang kritikal, alat bantuan pernafasan (ventilator) mungkin diperlukan.



### Suntikan Vaksinasi

Pesakit digalakkan mengambil vaksin influenza dan pneumokokus kerana paru-paru yang pernah terkena EVALI lebih berisiko tinggi mendapat komplikasi teruk jika terkena jangkitan kuman di masa hadapan.

## PENCEGAHAN



### Elakkan Penggunaan Vape atau E-cigarette

Cara terbaik mencegah EVALI adalah tidak menggunakan vape.



### Dapatkan Rawatan Awal Jika Bergejala

Segera ke klinik atau hospital jika mengalami sesak nafas, batuk, atau sakit dada selepas vaping.



### Jangan Guna Cecair Vape Tidak Diketahui Sumbernya

Terutama produk pasaran gelap atau tidak berdaftar.



### Tingkatkan Kesedaran Kesihatan

Didik keluarga dan masyarakat mengenai bahaya vape terhadap paru-paru.



### Elakkan Produk Mengandungi THC atau Bahan Terlarang

Bahan tertentu boleh menyebabkan kecederaan paru-paru serius.



\*sumber daripada Kementerian Kesihatan Malaysia